

PENTAKSIRAN SETARA STANDARD
SEKOLAH KEBANGSAAN ASYAKIRIN
SEJARAH
TAHUN 4

Jawab semua soalan.

Bahagian A

Pilih jawapan yang betul.

1. Keluarga asas terdiri daripada_____.
A bapa, ibu dan anak
B bapa, ibu, nenek, datuk dan anak
C bapa, datuk dan ibu
2. Lencana merupakan _____ yang menjadi kebanggaan setiap warga sekolah.
A sumbangan
B identiti
C panduan
3. Apakah maksud tokoh setempat?
A Penganjur seni masyarakat setempat
B individu yang banyak menyumbang jasa dan bakti kepada komuniti
C Anak kepada ketua kampung
4. Apakah dua epok pada Zaman Air Batu Akhir?
A Holocoust dan Holosen
B Polistrin dan Holosen
C Pleistosen dan Holosen
5. Tanah daratan luas yang telah ditenggelami air laut dipanggil sebagai
A benua
B lautan
D pentas sunda
6. Berikut merupakan tapak arkeologi yang terdapat di Malaysia KECUALI
A Gua Niah, Sarawak
B Bukit Tengkorak, Sabah
C Muzium Negara

7. Pada masa dahulu, kebanyakan penduduk di pesisir laut terlibat dengan aktiviti penangkapan ikan dan _____.
- A perdagangan
 - B penanaman
 - C pendakian
8. "Kerajaan Melayu Awal ini wujud pada abad ke-5 Masihi dan pusat kerajaannya terletak di Lembah Bujang". Apakah Kerajaan Melayu Awal yang dimaksudkan itu?
- A Chih-Tu.
 - B Temasik.
 - C Kerajaan Kedah Tua
9. Parameswara yang berasal dari Palembang telah melarikan diri ke Temasik kerana diserang oleh _____.
- A Majapahit
 - B Portugis
 - C Temagi
10. Berikut merupakan ciri-ciri tokoh terbilang, kecuali _____.
- A zalim
 - B amanah
 - C dihormati
11. Apakah perasaan kita tanpa keluarga di sisi?
- A Sunyi
 - B Gembira
 - C Bahagia
12. Identiti sesebuah sekolah merangkumi
- A nama guru
 - B lencana sekolah
 - C warna sekolah
13. Antara yang berikut, yang manakah bukan merupakan tempat menarik di Bintulu, Sarawak?
- A Pantai Tanjung Batu
 - B Taman Negara Similajau
 - C Tanah Tinggi Puncak Borneo
14. Bagaimanakah kita dapat menjaga kebersihan tandas awam?
- A Mengepam tandas selepas menggunakannya
 - B Mengemop lantai tandas
 - C Membuang sampah ke dalam mangkuk tandas

15. Antara berikut, yang manakah bukan merupakan sebuah benua?
- A Eropah
 - B Asia
 - C Pasifik
16. Apakah akan terjadi sekiranya semakin banyak ais menjadi cair?
- A Lautan menjadi sempit
 - B Daratan semakin luas
 - C Paras air laut akan meningkat
17. Tokoh terbilang bermaksud seseorang yang di _____ dan dikenang sepanjang zaman.
- A istimewa
 - B hormati
 - C Berjaya
18. Antara peranan utama sultan sebagai pemerintah termasuklah
- A menyampaikan dakwah
 - B menganugerahkan watak kepada diplomat asing
 - C menjadi guru mengajar agama
19. Mengapakah Parameswara menentang kerajaan Majapahit?
- A Mahu membebaskan negerinya daripada Majapahit
 - B Hendak menghapuskan lanun
 - C Ingin menguasai Melaka
20. Kebijakan Tun Perak menyebabkan Kesultanan Melayu Melaka
- A diserang oleh Siam sebanyak 2 kali
 - B menjadi empayar yang kuat dan disegani
 - C memasang jamung disekeliling pantai

Bahagian B

Tulis **betul** bagi pernyataan yang betul dan **salah** bagi pernyataan yang salah.

1.	Pemukul kulit kayu digunakan untuk melembutkan kulit kayu untuk dijadikan pakaian pada zaman purba.	
2.	Bukit Tengkorak, Sabah ialah tapak pembuatan tembikar purba di Asia Tenggara	
3.	Suku kaun Kadazandusun memanggil ibu, ma ma dan bapa, ba ba	
4.	Panggilan dalam anggota keluarga dapat merapatkan hubungan kekeluargaan.	
5.	Guru Penolong Kanan Kokurikulum bertanggungjawab menguruskan hal berkaitan dengan program akademik sekolah.	
6.	Pentas Sunda ialah tanah daratan yang luas. Apabila Pentas Sunda ditenggelami air laut, terbentuklah Kepulauan Melayu.	
7.	Manusia pada zaman Paleolitik hidup berpindah-randah, memburu binatang dan mengumpulkan hasil hutan.	
8.	Pada zaman Logam, mayat dikebumikan menggunakan kubur batu kepingan.	
9.	Kerajaan Santubong merupakan sebuah kerajaan kecil di Sungai Sarawak yang wujud sekitar abad ke-7 Masihi.	
10.	Hang Tuah merupakan pengasas Kesultanan Melayu Melaka	

Bahagian C

Isi tempat kosong dengan jawapan yang betul.

Mesolitik	Biodata	Prasejarah	Sejarah	Sejarahwan
Beruas	Air Batu	arkeologi	Bendahara	Asas

1. Tun Perak merupakan _____ yang terbilang dalam Kesultanan Melayu Melaka.
2. Zaman _____ berlaku antara Zaman Paleolitik dan Zaman Neolitik.
3. Menurut Herodotus, _____ merupakan penceritaan tentang tindakan manusia dan sebab-sebab mereka melakukannya.
4. _____ merupakan maklumat ringkas tentang diri seseorang seperti nama, jantina, nama ibu bapa, tarikh lahir dan tempat lahir.
5. Keluarga _____ adalah terdiri daripada ibu bapa dan anak.
6. Kaedah _____ adalah proses mendapatkan maklumat daripada bahan tinggalan sejarah.
7. Zaman _____ merupakan zaman sebelum manusia mengenal tulisan.
8. _____ menggunakan tiga kaedah untuk mendapatkan maklumat sejarah iaitu melalui kaedah lisan, kaedah bertulis dan kaedah arkeologi.
9. Kerajaan _____ wujud sekitar abad ke - 15 masihi selepas kemerosotan Gangga Negara.
10. Zaman _____ merupakan zaman ketika air batu menutupi permukaan bumi.